

08/01/2004

Jamaludin mahu mantapkan isu kepenggunaan

KUALA LUMPUR: Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Dr Jamaludin Jarjis berjanji akan menggunakan pengetahuan dan pengalamannya dalam bidang ekonomi dan pengurusan kewangan bagi memantapkan lagi isu kepenggunaan dan perdagangan dalam negeri.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi atas perlantikan itu dan Tun Dr Mahathir Mohamad yang banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat ketika memegang jawatan Menteri Kewangan Kedua.

"Saya terharu atas perlantikan ini dan sedar masih banyak yang perlu dipelajari. Saya akan bekerja bersungguh-sungguh bagi meneruskan tradisi kecemerlangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna yang diterajui Tan Sri Muhyiddin Yassin sebelum ini.

"Selain itu, saya ingin merakamkan terima kasih kepada seluruh anggota pentadbiran, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan, jabatan dan agensi di bawahnya yang banyak memberi sokongan padu selama saya menjadi Menteri Kewangan Kedua," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, di sini semalam.

Jamaludin berkata, beliau seperti menteri lain berikrar untuk bersama-sama membantu Perdana Menteri bagi melaksanakan semua dasar dan wawasan beliau.